EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



# BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة عيون ستاكن چندكاون

## "SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

MAC
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

## VISI

**Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional**

## MISI

**Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat**

## MOTO

**Usaha, Takwa, Mulia**

## FALSAFAH

**Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara**

## OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

# ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.



SHAHROL NIZAM BIN JOHOL

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

# SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407




Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.



# Pantai Pandak

Chendering, Kuala Terengganu
kredit: faiz zakaria

# PENGLIBATAN STAF PERPUSTAKAAN

## Pasar Preloved Pakaian dan Barangan @HEP

*3 Mac 2026*
*Oleh : Ahmad Fathi Azhari*



*Staf Perpustakaan Cendekiawan membuat persiapan sebelum program berjalan*



*Para ibu sedang memilih pakaian secara percuma*



*Cik Asmahani Abdullah bersama beramah mesra bersama staf UiTMCT*



*Komuniti sekitar Dungun turut hadir mendapatkan barangan yang diperlukan*

Perpustakaan Cendekiawan turut serta memeriahkan Pasar Preloved Pakaian & Barangan anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang berlangsung di Dataran Aspirasi UiTMCT pada 3 Mac 2026. Program ini bertujuan menyokong gaya hidup lestari melalui amalan guna semula, di samping menawarkan barangan berkualiti pada harga berpatutan kepada warga kampus dan komuniti setempat.

Selain mengeratkan silaturahim, inisiatif ini berjaya memupuk kesedaran tentang pengurusan sumber yang berhemah selaras dengan agenda kelestarian universiti. Sambutan meriah daripada pengunjung membuktikan keberkesanan program ini dalam memberi impak positif terhadap alam sekitar.

SCAN ME

# MAJLIS BERBUKA PUASA

## Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

*16 Mac 2026*
*Oleh : Ahmad Fathi Azhari*



*Staf Perpustakaan Cendekiawan yang turut hadir bersama ahli keluarga untuk berbuka puasa*



*Bekerjasama membuat persediaan sebelum majlis berbuka puasa*



*Sekitar suasana majlis berbuka puasa*



*En. Anuar(kanan) bersama isteri dan En. Sotar mengambil makanan untuk berbuka puasa*

DUNGUN, 16 Mac 2026 – Suasana penuh kemeriahan dan kemesraan mewarnai Majlis Berbuka Puasa Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun yang berlangsung di Wakaf D'Pata, petang tadi. Majlis yang dihadiri oleh warga perpustakaan bersama ahli keluarga masing-masing ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta menghayati keberkatan bulan Ramadan dalam suasana yang santai dan penuh ukhuwah. Program yang bermula dari jam 6.00 petang hingga 9.00 malam itu bukan sahaja menjadi platform untuk berkongsi rezeki, malah dilihat sebagai usaha menyemarakkan lagi semangat kekeluargaan di antara kakitangan.

SCAN ME

# WORLD QURAN HOUR

## Peringkat UiTM Cawangan Terengganu

*11 Mac 2026*
*Oleh : Ahmad Fathi Azhari*




*Barisan peserta program bergambar bersama Ybrs Dr. Ermeey Abd Kadir, Rektor UiTM Cawangan Terengganu*



*sesi tadarus Surah Al-Muzzammil yang dijalankan di Sudut AZKA*




*Ustaz Rosmat Rabu menyampaikan tazkirah kepada peserta*



*Ustaz Roasmat Rabu menyampaikan tazkirah kepada peserta*

DUNGUN, 11 Mac – UiTM Cawangan Terengganu berjaya menganjurkan program World Quran Hour 2026 bertemakan “Saving The Ummah” di Sudut AZKA @ LCE hari ini. Program dimulakan dengan tadarus Surah Al-Muzzammil pimpinan Ustaz Mohd Azrul Ali, diikuti tazkirah mengenai kekuatan rohani oleh Ustaz Rosmat Rabu. Majlis yang dihadiri warga kampus ini turut dimeriahkan dengan sesi Cabutan Bertuah Ramadan yang disempurnakan oleh Rektor, YBrs. Dr. Ermeey Abd Kadir. Penganjuran ini diharapkan dapat terus menyuntik semangat penghayatan Al-Quran sebagai panduan hidup dalam kalangan warga universiti.

SCAN ME

# WORLD QURAN HOUR

## UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

*11 Mac 2026*

*Oleh : Norairin Natasya Zulkifli*




*Ustaz juga menyampaikan tadabur Surah Al Muzzammil ayat 1-20 kepada peserta*




*Peserta mengikuti dengan khusyuk bacaan yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Shahnizam Azmi*

BUKIT BESI, 11 Mac – Perpustakaan Cendekiawan telah berjaya menganjurkan program World Quran Hour 2026 bertemakan “Saving The Ummah” di Sudut LCE hari ini bersamaan dengan 21 Ramadan 1447H. Program ini dipimpin oleh Ustaz Mohd Shahnizam Azmi, Penolong Pendaftar Kanan dengan dimulai sesi bacaan, tahsin, tadabur dan tafsir Surah Al- Muzzammil ayat 1-20. Program ini dijalankan serentak di seluruh Malaysia. Semoga program ini dapat menyemarakkan lagi budaya membaca dan menghayati Al-Quran dalam kalangan warga UiTM.

#MengQURANkan Bangsa, MengIKHLASkan Ummah



*Barisan peserta dan penceramah semasa program berlangsung*

SCAN ME

# PROGRAM CHIT CHAT RAMADAN

## SIRI 4/ 2026

***11 Mac 2026***

*Oleh : Norairin Natasya Zulkifli*



*Semua peserta mendapat input yang bermanfaat sepanjang program ini.*

BUKIT BESI, 11 Mac – Perpustakaan Cendekiawan dan Unit Kesihatan telah menganjurkan program Chit Chat Ramadan Siri 4/2026 bertajuk "Elak Dehidrasi Ketika Berpuasa" telah berlangsung dengan jayanya pada hari ini. Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Encik Wan Mohd Faiz Wan Ahmad, Penolong Pegawai Perubatan UiTMCT Kampus Bukit Besi, mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan mengelakkan dehidrasi sepanjang menjalani ibadah puasa.




*Encik Wan Mohd Faiz Wan Ahmad selaku penceramah pada program ini.*



*Pelbagai peserta daripada unit lain turut serta.*




*Peserta mendengar dengan khusyuk ceramah kesihatan ini.*

SCAN ME

# TELA'AH

## RESENSI BUKU: RAHSIA-RAHSIA PUASA (IMAM AL-GHAZALI)

*3 Mac 2026*
*Oleh : Nurmaisari Che Anuar*




KUALA TERENGGANU, 3 Mac – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Resensi Buku bersempena bulan Ramadan yang bertajuk Buku Rahsia-Rahsia Puasa karya Imam Al-Ghazali. Program bermula pada 10.00 pagi - 11.30 pagi secara bersemuka di Perpustakaan Cendekiawan dan secara atas talian di YouTube Perpustakaan Cendekiawan. Wacana ini dikendalikan oleh Dr. Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS) & Penyelaras Pembangunan Islam, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan dikemudikan oleh Puan Suriana Binti Hizmi, pelajar latihan industri.

Kesimpulannya, buku ini mengajak pembaca memahami bahawa puasa adalah latihan spiritual yang mendalam membina kesabaran, keikhlasan dan ketakwaan. Ia bukan sekadar ritual tahunan, tetapi satu jalan untuk memperbaiki diri dan meningkatkan darjat di sisi Allah.



*Barisan peserta dan penceramah semasa program berlangsung*




*Dr. Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad selaku Penceramah & peserta yang hadir secara fizikal*

SCAN ME

# BICARA SANTAI:

## "RAMADHAN : PERTEMUAN YANG DINANTI, PERPISAHAN YANG DITANGISI"

*12 Mac 2026*
*Oleh : Nurmaisari Che Anuar*




KUALA TERENGGANU, 12 Mac – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Bicara Santai mengenai Ramadhan : Pertemuan Yang Dinanti, Perpisahan Yang Ditangisi. Program bermula pada 10.00 pagi - 11.30 pagi secara bersemuka di Perpustakaan Cendekiawan Dan atas talian di YouTube Perpustakaan Cendekiawan. Wacana ini dikendalikan oleh Ustazah Rubiah Abu Bakar, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS), UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan dikemudikan oleh Cik Alya Mirza Soffea Binti Ahmad Saifudin, pelajar latihan industri.

Kesimpulannya, Ramadhan adalah bulan yang mengajar manusia tentang kesyukuran, kesabaran dan keinsafan. Ia merupakan pertemuan yang sangat dinanti kerana keberkatannya, dan perpisahan yang ditangisi kerana keindahan ibadahnya sukar diganti pada bulan lain. Oleh itu, setiap Muslim digalakkan memanfaatkan bulan ini sebaik mungkin agar memperoleh keberkatan dan keredaan Allah.




*Ustazah Rubiah Abu Bakar selaku Penceramah Bicara Santai*

SCAN ME

# PROGRAM WORLD #QURANHOUR 2026

*12 Mac 2026*
*Oleh : Nurmaisari Che Anuar*



KUALA TERENGGANU, 12 Mac – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program WORLD #QuranHour 2026 yang bertemakan #SavingTheUmmah bermula 11.30 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Program ini dimulakan Surah Al-Muzzammil ayat 1–20 yang dipimpin oleh Ustazah Rubiah Abu Bakar.







*Ustazah Rubiah Abu Bakar & peserta yang hadir secara fizikal*

SCAN ME

# BICARA SANTAI:
## RAMADAN & RAYA

*18 Mac 2026*
*Oleh : Nurmaisari Che Anuar*






*Barisan peserta dan penceramah semasa program berlangsung*

KUALA TERENGGANU, 18 Mac – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Bicara Santai mengenai Ramadan & Raya. Program bermula pada 10.00 pagi - 11.30 pagi secara bersemuka di Perpustakaan Cendekiawan dan secara atas talian di YouTube Perpustakaan Cendekiawan. Wacana ini dikendalikan oleh Ahmad Fakrulazizi bin Abu Bakar, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan dikemudikan oleh Cik Alya Mirza Soffea Binti Ahmad Saifudin, pelajar latihan industri.

Kesimpulannya, Ramadan adalah bulan latihan rohani dan ibadah, manakala Hari Raya pula adalah hari kesyukuran dan kegembiraan selepas berjaya melalui latihan tersebut.




*Ahmad Fakrulazizi bin Abu Bakar selaku Penceramah & peserta yang hadir secara fizikal*

SCAN ME



# BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI